KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PPP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **11 Mac 2026**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# KPDN tingkat penguatkuasaan kekang penyeludupan bahan api

## Aktiviti dijangka boleh berlaku berikutan negara jiran tiada subsidi petrol, diesel

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

**Ampang:** Peningkatan harga minyak global dikhuatiri meningkatkan risiko penyeludupan kerana wujud perbezaan harga yang ketara di antara pasaran Malaysia dan negara jiran.

Lantaran itu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan mempertingkatkan penguatkuasaan bagi mengekang penyeludupan bahan api di sempadan negara.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata walaupun kerajaan sudah melaksanakan penyasaran subsidi diesel dan RON95 secara berperingkat, namun risiko penyeludupan masih wujud apabila harga pasaran dunia meningkat.

"Risiko penyeludupan dikhuatiri berlaku berikutan negara jiran tiada subsidi seperti Malaysia.

"Jadi, wujud kecenderungan risiko yang agak besar berlakunya penyeludupan serta ketirisan subsidi jadi pihak berwajib akan meningkatkan penguatkuasaan," katanya pada sidang media mengenai Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya dan Program Jualan Rahmah MADANI (PJRM) Aidilfitri di Laman Rekreasi Tasek Tambahan, Jalan Taman Putra, dekat Ampang di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN, Datuk Azman Adam.

### Gerakkan Ops Tiris

Armizan berkata, pada masa sama, Ops Tiris juga digerakkan bagi memastikan pihak berwajib dapat mengekang penyeludupan bekalan bahan api ke negara jiran.

"Kita bimbang ada penyalahgunaan untuk industri di domestik berikutan harga jauh berbeza.

"Jadi kita mengambil langkah serta-merta membuat pemantauan bekalan dan juga penguatkuasaan dan paling penting bagi jangka pendek musim perayaan ini pembeli jangan panik kerana barang mencukupi," katanya.



*Armizan pada Program Jualan Rahmah MADANI Aidilfitri di Laman Rekreasi Tasek Tambahan, Jalan Taman Putra, dekat Ampang, semalam.* (Foto Fathil Asri/BH)

Dalam pada itu, Armizan turut memaklumkan selain pelaksanaan SHMMP, bersempena Aidilfitri, KPDN melaksanakan beberapa program khusus berkaitan ikhtiar kos sara hidup seperti Program Jualan RAHMAH MADANI (PJRM) Aidilfitri dan Program Servis Ihsan MADANI@Petronas Auto-Expert (SIM@PAX).

"Bagi pelaksanaan PJRM Aidilfitri, seperti diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 9 Mac lalu, jenis barangan yang akan diberikan subsidi untuk PJRM Aidilfitri kali ini ditambah daripada 40 jenis barangan kepada minimum 50 jenis barangan.

"Orang ramai boleh menyemak takwim pelaksanaan PJRM Aidilfitri 2026 di laman web KPDN melalui pautan www.pjrm.kpdn.gov.my atau menerusi aplikasi mudah alih Info Jualan RAHMAH MADANI.

"Bagi servis kenderaan SIM@PAX, orang ramai boleh mendapatkan diskaun perkhidmatan servis kereta, termasuk produk minyak pelincir antara 10 hingga 30 peratus berbanding harga pasaran semasa melalui temu janji aplikasi 'SETEL' Petronas dengan terdapat 124 premis bengkel di seluruh negara mengambil bahagian bermula hari ini hingga 17 Mac dan 23 hingga 31 Mac," katanya.

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI: RABU

TARIKH: 11/3/2026

M/SURAT: 4




ARMIZAN (tengah) pada pengumuman Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Aidilfitri dan Program Jualan Rahmah Madani di Laman Rekreasi Tasek Tambahan, Ampang semalam. – SYAKIR RADIN

# Jangan panik, bekalan raya mencukupi

- KPDN sentiasa pantau harga di pasaran
- 24 barangan kawalan di Semenanjung, 23 di Sabah, Sarawak

Oleh NUR HUDA MUSA

**AMPANG** – Orang ramai diminta tidak melakukan pembelian panik kerana bekalan barangan keperluan menjelang Aidilfitri di negara ini mencukupi.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, kerajaan sentiasa melakukan pemantauan rapi terhadap bekalan serta harga barangan di pasaran.

Katanya, langkah itu bagi memastikan rantaian bekalan barangan utama stabil walaupun terdapat kebimbangan berhubung faktor cuaca dan perkembangan konflik global.

"Kita telah membuat persiapan pemantauan awal bersama pemborong, pengeluar dan juga peruncit," katanya selepas pengumuman Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Aidilfitri di sini semalam.

Katanya, kerajaan akan melaksanakan SHMMP Aidilfitri selama 15 hari bermula 14 hingga 28 Mac ini bagi memastikan harga barangan keperluan terkawal sepanjang musim perayaan.

Ujarnya, berdasarkan senarai harga maksimum bagi skim itu, sebanyak 24 barangan kawalan di Semenanjung, manakala 23 barangan di Sarawak dan Sabah, serta 22 barangan di Wilayah Persekutuan Labuan.

"Dari segi harga kawalan, bagi Semenanjung daging kerbau import India ditetapkan pada harga RM18.80 (borong) dan RM20.80 (runcit).

"Daging lembu tempatan pada harga maksimum RM36 (borong) hingga RM39 (runcit)," katanya.

Selain itu, di Semenanjung, harga maksimum cili merah ditetapkan pada RM15 sekilogram di peringkat borong dan RM17 sekilogram (runcit).

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: RABU

TARIKH: 11/3/2026

M/SURAT: 16

Oleh Mahani Ishak
am@hmetro.com.my

BEKALAN BARANGAN KEPERLUAN SEMPENA AIDILFITRI MENCUKUPI

# Tak perlu pembelian panik



ARMIZAN (dua dari kanan) menyantuni orang ramai yang membeli barangan keperluan pada Majlis Pengumuman SHMMP Hari Raya dan PJRM Aidilfitri di Laman Rekreasi Tasek Tambahan di Ampang, semalam.

**Ampang**

Orang ramai dinasihat tidak membuat pembelian panik menjelang Aidilfitri kerana bekalan barangan keperluan di negara ini mencukupi.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali berkata, pemantauan awal sudah dibuat bersama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) serta pemain industri bagi memastikan bekalan mencukupi sehingga selepas Aidilfitri.

"Langkah itu termasuk memastikan rantaian bekalan barangan utama sentiasa stabil walaupun terdapat kebimbangan berkaitan faktor cuaca dan perkembangan konflik global.

"Semalam dalam mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) kita ketika ini mempunyai lebihan bekalan barang-barang utama.

"Namun, sebagai langkah kontigensi, selain KPKM, kami juga bekerjasama dengan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) bagi menghadapi kebimbangan perang berlarutan termasuk mencari sumber alternatif sekiranya negara sumber tidak boleh atau terpaksa menghentikan eksportnya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media mengenai Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya dan Program Jualan Rahmah MADANI (PJRM) Aidilfitri di Laman Rekreasi Tasek Tambahan di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN Datuk Azman Adam.

Mengenai peningkatan harga sayur akibat faktor cuaca, Armizan berkata, beberapa jenis sayur utama sudah dimasukkan dalam senarai SHMMP Aidilfitri.

"Kita tahu faktor cuaca antara yang memberi implikasi utama kepada bekalan sayur. Namun, Alhamdulillah, jenis sayur-sayuran utama itu kami masukkan dalam SHMMP ini," katanya.

Menjawab kebimbangan konflik di Asia Barat menyebabkan kenaikan mendadak harga barangan di peringkat global, beliau berkata, kerajaan mengarahkan setiap kementerian menyediakan pemantauan serta pelan kontigensi berdasarkan bidang kuasa masing-masing.

**SHMMP Aidilfitri 2026 dilaksanakan selama 15 hari bermula 14 hingga 28 Mac depan**

Dalam perkembangan sama, Armizan berkata, kerajaan akan melaksanakan SHMMP Aidilfitri 2026 selama 15 hari bermula 14 hingga 28 Mac depan bagi memastikan harga barangan keperluan terkawal sepanjang musim perayaan.

Menurutnya, sebanyak 27 jenis barangan terbabit di bawah skim itu dengan tambahan satu produk kacang dal (Australia) berbanding 26 barangan pada tahun lalu.

"Bagi Semenanjung Malaysia, terdapat 24 jenis barangan di bawah skim ini. Daripada jumlah itu, sembilan harga maksimum kekal, 13 harga turun, satu naik dan satu barangan baharu dimasukkan.

"Di Sarawak, lapan harga barangan kekal, 10 turun dan tiga meningkat dengan dua barangan baharu dimasukkan, menjadikan keseluruhan 23 barangan sementara di Sabah, sembilan harga kekal dan 12 turun di samping dua barangan baharu dimasukkan.

"Di Wilayah Persekutuan Labuan, lapan harga kekal, 11 turun, satu meningkat serta dua barangan baharu," katanya.

Beliau berkata, penurunan harga maksimum bagi sebahagian besar barangan itu dipengaruhi bekalan mencukupi serta pengukuhan nilai ringgit sejak kebelakangan ini.

Skim itu dilaksanakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan semua peniaga diwajibkan untuk mempamerkan tanda harga merah jambu bagi barangan yang dikawal.

Dalam perkembangan lain, Armizan berkata, KPDN menyasarkan 1,898 siri PJRM dilaksanakan sepanjang Ramadan.

"Setakat semalam (9 Mac), sebanyak 910 program diadakan dan baki 988 lagi akan dilaksanakan sehingga sehari sebelum 1 Syawal," katanya.

Menurutnya, kerajaan juga akan meningkatkan jumlah barangan yang dijual dalam program itu daripada purata 40 kepada sekurang-kurangnya 50 jenis barangan terutama keperluan menjelang Aidilfitri seperti gula kastor yang diguna membuat biskut.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro
HARI: RABU
TARIKH: 11/3/2026
M/SURAT: 21

# KPDN tingkat pemantauan risiko penyeludupan bahan api

**Kuala Lumpur:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan meningkatkan pemantauan serta penguatkuasaan di sempadan negara, bagi mengekang risiko penyeludupan bahan api susulan kenaikan harga minyak dunia akibat konflik di Asia Barat.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali berkata, KPDN mempergiat pelaksanaan Op Tiris bagi memastikan bekalan bahan api tak diseludup ke negara jiran.

"Harga minyak dunia jauh meningkat sekarang, sudah lebihi US$100 setong. Jadi, risiko penyeludupan itu tetap berlaku kerana harga industri naik mengikut harga pasaran.

"Selain itu, jika dibanding dengan harga (bahan api) di negara-negara jiran yang tidak ada subsidi sebagaimana kita, ada kecenderungan risiko agak besar berlakunya penyeludupan. Maka kita akan meningkatkan penguatkuasaan," katanya pada majlis Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya dan Program Jualan Rahmah MADANI (PJRM) Aidilfitri di sini, semalam.

Ketegangan Asia Barat meruncing sejak 28 Februari lalu susulan serangan Israel dan Amerika Syarikat (AS) ke atas Iran, diikuti serangan balas Tehran kepentingan AS di negara Teluk.

Sebelum ini, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerajaan berusaha sedaya mungkin untuk mengekalkan harga RON95 pada paras RM1.99 seliter supaya tidak membebankan rakyat.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, meskipun harga minyak dilaporkan semakin meningkat di pasaran global, keadaan di negara ini masih terkawal dengan ketetapan harga RON95 yang rendah menerusi subsidi bersasar.



ARMIZAN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: RABU
TARIKH: 11/3/2026
M/SURAT: 15

# KPDN kesan premis gagal pamer harga emas

**Kuala Lumpur:** Masih ada peniaga emas yang gagal mematuhi arahan berkaitan mempamerkan harga logam itu dengan pelbagai alasan.

Perkara itu terdedah dalam pemeriksaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) di lebih 10 premis menjual emas di Jalan Masjid India di sini, semalam.

Pengarah KPDN Kuala Lumpur, Mohd Sabri Seman, berkata ada premis yang tidak mempamerkan harga bagi emas 999.9 dengan jelas.

"Alasan yang diberikan ialah harga emas sering berubah, malah ada yang mendakwa ia berubah setiap satu jam.

"Namun, alasan itu tidak boleh diterima kerana peniaga perlu menentukan harga jualan dan mempamerkannya dengan jelas kepada pengguna," katanya ketika ditemui selepas operasi pemantauan di kawasan berkenaan.

Mohd Sabri berkata, selain tahap ketulenan emas, pemeriksaan turut meliputi paparan tanda harga, penggunaan alat timbang serta pengeluaran resit jualan yang lengkap.

Katanya, setiap premis wajib mengeluarkan resit yang mengandungi semua 10 perkara wajib termasuk maklumat penting seperti nama dan alamat pembekal, tarikh pembelian, jenis dan standard ketulenan emas, harga logam bagi setiap 100 gram, berat, harga barang serta kos pembuatan atau upah, sekiranya ada.

"Resit juga perlu disertakan tandatangan jurujual serta maklumat berkaitan yang mungkin menggunakan logam dengan standard ketulenan berbeza," katanya.

Beliau berkata, mereka yang gagal mematuhi peraturan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM250,000 atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan pertama.

"Bagi kesalahan kedua atau berikutnya, individu boleh didenda tidak melebihi RM500,000 atau dipenjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya sekali.

"Syarikat pula boleh dikenakan denda sehingga RM500,000 bagi kesalahan pertama tidak melebihi sehingga RM1 juta bagi kesalahan berulang," katanya.

Dalam pemeriksaan semalam, penguat kuasa KPDN mengambil tiga hingga enam sampel emas secara rawak dari setiap premis untuk diuji menggunakan alat X-Ray Fluorescence (XRF) bagi menentukan tahap ketulenan logam seperti diiklankan oleh peniaga.



*Mohd Sabri (kanan) membuat pemeriksaan emas ketika operasi pemantauan menjelang sambutan Aidilfitri di Jalan Masjid India.*

(Foto Hari Anggara/BH)

Harian Metro
HARI: RABU
TARIKH: 11/3/2026
M/SURAT: 16

# KPDN periksa 10 kedai pastikan logam emas tulen

**Kuala Lumpur:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memeriksa 10 kedai emas bagi mengesahkan ketulenan logam emas bagi mengelak pengguna tertipu terutama menjelang Aidilfitri.

Pengarah KPDN Kuala Lumpur, Mohd Sabri Seman berkata, menjelang sambutan Aidilfitri, KPDN Kuala Lumpur dan Putrajaya menjalankan pemeriksaan ketulenan logam berharga di 10 premis di Jalan Masjid India.

Menurutnya, sepanjang pemeriksaan dijalankan, tiga hingga enam sampel logam berharga dipilih secara rawak daripada setiap premis untuk diuji menggunakan alat *X Ray Fluorescence* (XRF) bagi tujuan pengesahan standard ketulenan.

"Hasil ujian dibuat mendapati sampel diambil mematuhi ketulenan yang ditanda.

"Bagaimanapun, ada satu premis tidak mempamerkan tanda harga emas 999.9 dengan memberi alasan harga kerap bertukar menyebabkan peniaga tidak meletakkan tanda harga," katanya pada sidang media selepas operasi pemeriksaan itu, di Jalan Masjid India, di sini, semalam.

Beliau berkata, kedai terbabit akan diberi kompaun kerana melakukan kesalahan tidak mempamerkan tanda harga.

"Pemeriksaan juga dijalankan untuk memastikan resit jualan mengandungi 10 perkara wajib yang ditetapkan mengikut Peraturan-Peraturan Perihal Dagangan.

"Tindakan undang-undang akan diambil ke atas mana-mana pihak yang didapati membuat perihal dagangan palsu mengenai kandungan, jenis atau nama mengikut Seksyen 5 (1) (c) Akta Perihal Dagangan 2011," katanya.

Mohd Sabri berkata, pihaknya akan terus memantau dan mempergiatkan lagi penguatkuasaan bagi membanteras amalan perniagaan yang mengelirukan dan mencuba menipu pengguna dalam penjualan barangan logam berharga.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

NEW STRAITS TIMES

HARI: RABU
TARIKH: 11/3/2026
M/SURAT: 6

RISING GLOBAL OIL PRICES

# Ministry steps up enforcement to curb fuel smuggling

**KUALA LUMPUR:** The Domestic Trade and Cost of Living Ministry will intensify enforcement to curb fuel smuggling following rising global oil prices amid the conflict in West Asia.

Minister Datuk Armizan Mohd Ali said higher oil prices could increase the risk of smuggling due to significant price differences between Malaysia and neighbouring countries.

"Although the government has implemented targeted diesel subsidies in stages and RON95 measures last year, with global oil prices now rising and exceeding US$100 per barrel, the risk of smuggling remains because industrial fuel prices follow market prices.

"Secondly, if we compare prices with neighbouring countries that do not have subsidies like ours, there is a risk of smuggling. So, we will strengthen our enforcement actions," he said at a press conference here yesterday.

Armizan added that the ministry would continue to mobilise under Op Tiris to curb smuggling of fuel supplies across borders.

"We are concerned about misuse for domestic industrial purposes due to the large price differences. So we are taking immediate steps to monitor supplies and enforce regulations. Most importantly, in the short term during the festive season, buyers should not panic, as supplies are sufficient."

Armizan also gave his assurance that the country's food supply remains sufficient despite growing concerns over the Middle East conflict and its potential impact on imported goods.

He said Malaysians should not resort to panic buying ahead of Aidilfitri, as the ministry had already undertaken monitoring efforts together with the Agriculture and Food Security Ministry.

"At the ministry level, we will first monitor food supply. However, I want to give an assurance. There is no need to worry and no need for panic buying ahead of the festive season.

"This is because supply for the festivities is sufficient, not only until the first day of Syawal but also throughout the usual 30 days of open house celebrations.

"We will also cooperate with the ministries to identify items of concern should the war in Iran continue, so that we can find alternative sources if certain countries are unable or forced to stop their exports.

"There are contingency plans in place."

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

theSun
HARI: RABU
TARIKH: 11/3/2026
M/SURAT: 2

# Enforcement against fuel smuggling being beefed up

BY **HAYATUN RAZAK**
*sunbiz@thesundaily.com*

**KUALA LUMPUR:** The Domestic Trade and Cost of Living Ministry is stepping up enforcement against fuel smuggling and supply risks as global oil prices soar above US$100 per barrel amid the Middle East crisis, said its minister Armizan Mohd Ali.

He said rising global oil prices have widened the gap between Malaysia's subsidised fuel prices and market prices in neighbouring countries, raising the risk of smuggling and cross-border supply disruptions.

"The risk of smuggling remains high due to the difference between subsidised domestic prices and market prices in neighbouring countries that do not provide such subsidies. Therefore, we will strengthen enforcement," Armizan said at a media conference yesterday.

He said *Ops Tiris* would be intensified to ensure that fuel supplies are not diverted across borders, particularly with *Aidilfitri* approaching.

Armizan said the ministry is also monitoring the possible misuse of subsidised fuel within the domestic industrial sector.

He said Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim has instructed ministries to monitor developments closely and prepare short, medium and long-term projections.

"During the Cabinet meeting last Wednesday, the prime minister instructed every ministry to act within their respective jurisdictions.

He assured that supply is sufficient for *Hari Raya* and the many open house events in the following weeks.

"We have made early preparations together with the agriculture sector, wholesalers, producers and retailers. There is no need for concern or panic buying."

Armizan said the ministry would work with the Agriculture and Food Security as well as Investment, Trade and Industry ministries to identify essential goods that may be affected if the conflict continues.

"If necessary we will identify alternative sources should exports from certain countries be disrupted. Contingency plans are already in place."

He said the ministry would implement the Festive Season Maximum Price Scheme for *Hari Raya Aidilfitri* from March 14 to 28, covering 27 goods, up from 26 last year.

He added that most ceiling prices have been maintained or reduced due to adequate supply and improved currency conditions.

Traders selling above the ceiling price may face fines of up to RM100,000 for individuals or RM500,000 for companies under the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

The Star

HARI: RABU
TARIKH: 11/3/2026
M/SURAT: 3

# Eye on slick move to smuggle fuel abroad

## Enforcement stepped up at nation's borders

**KUALA LUMPUR:** Enforcement and monitoring at the country's borders will be stepped up to curb fuel smuggling, following the rise in global oil prices due to tensions in the Middle East, says Datuk Armizan Mohd Ali.

The Domestic Trade and Cost of Living Minister said his ministry would intensify Ops Tiris to ensure fuel supplies are not smuggled out to neighbouring countries.

"Global oil prices have risen significantly now, exceeding US$100 per barrel (as of Monday). The risk of smuggling will remain as industrial prices will increase in line with market prices.

"When compared with fuel




prices in neighbouring countries that do not have subsidies, there is a fairly high tendency for smuggling to occur. That is why we will strengthen our enforcement," Armizan told a press conference.

Tensions in the Middle East have escalated since Feb 28 following attacks by Israel and the United States on Iran, followed by retaliatory strikes by Teheran against US interests in Gulf countries.

Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim had said the government would do its utmost to maintain the price of RON95 at RM1.99 per litre so that it does not burden the people.

Separately, Armizan said the public should not engage in panic buying over concerns the conflict could affect imports, as supply of essential goods, particularly for the upcoming Hari Raya Aidilfitri festive season, is sufficient.

His ministry would work closely with Agriculture and Food Security and the Investment, Trade and Industry ministries to identify alternative sources of supply should any exporting countries suspend exports due to the conflict, Bernama reported.

"I would like to assure the public, they need not worry and don't engage in panic buying as the supply of essential goods for the festive season is sufficient and already available," he said.



**Steady supply:** Armizan (second from right) sharing a light moment with people buying essential goods at Laman Rekreasi Tasek Tambahan in Kuala Lumpur. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: RABU
TARIKH: 11/3/2026
M/SURAT: 10

# Bekalan barangan cukup, jangan buat pembelian panik: Armizan

**KUALA LUMPUR:** Bekalan barangan asas bagi musim perayaan mencukupi walaupun terdapat kebimbangan kesan konflik Asia Barat kepada bekalan import, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali.

Sehubungan dengan itu, beliau menasihatkan rakyat tidak membuat pembelian panik menjelang Aidilfitri.

"Saya ingin beri jaminan jangan khuatir, jangan ada pembelian panik untuk perayaan kerana bekalan untuk perayaan (sepanjang Syawal) insya-Allah sudah ada dalam negara dan mencukupi," katanya.

Armizan berkata demikian pada sidang media Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya dan Program Jualan Rahmah MADANI (PJRM) Aidilfitri di sini semalam.

Beliau berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) serta Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) bagi mengenal pasti sumber alternatif sekiranya terdapat negara terpaksa menghentikan eksport susulan konflik itu.

Sementara itu, beliau berkata SHMMP Aidilfitri 2026 dilaksanakan dari 14 hingga 28 Mac bagi mengawal harga barangan keperluan semasa musim perayaan melibatkan 27 jenis barangan berbanding 26 pada tahun lalu.

Antara barangan itu bawang kuning besar, bawang merah besar, cili merah, kacang panjang, sawi hijau, santan kelapa dan kacang dal yang merupakan item tambahan tahun ini.

Armizan berkata penguat kuasa KPDN akan membuat pemantauan serta penguatkuasaan di lapangan bagi memastikan kepatuhan semua pihak terhadap Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata KPDN menyasarkan 1,898 siri PJRM diadakan di seluruh negara sepanjang Ramadan.

"Setakat 9 Mac, sebanyak 910 program telah dilaksanakan dengan baki 988 lagi dijadualkan berlangsung sehingga sehari sebelum 1 Syawal," katanya.

Beliau berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim telah mengarahkan supaya jumlah barangan dijual menerusi program itu ditingkatkan kepada sekurang-kurangnya 50 jenis pada minggu terakhir Ramadan berbanding purata 40 sebelum ini.




**BEKALAN CUKUP:** Armizan (tengah), mengumumkan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa pada Program Jualan Rahmah MADANI Aidilfitri di Laman Rekreasi Tasek Tambahan, Ampang, semalam. – Gambar Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# Konflik Asia Barat: KPDN tingkat pemantauan risiko penyeludupan bahan api

**KUALA LUMPUR:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan meningkatkan pemantauan serta penguatkuasaan di sempadan negara, bagi mengekang risiko penyeludupan bahan api susulan kenaikan harga minyak dunia akibat konflik di Asia Barat.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali berkata KPDN akan memperagiat pelaksanaan Ops Tiris dalam memastikan bekalan bahan api tidak diseludup keluar ke negara jiran.

"Harga minyak dunia jauh meningkat sekarang, telah melebihi US$100 setong. Jadi risiko penyeludupan itu tetap berlaku kerana harga industri akan naik mengikut harga pasaran. Selain itu, jika dibandingkan dengan harga (bahan api) di negara-negara jiran yang tidak ada subsidi sebagaimana kita, ada kecenderungan risiko agak besar berlakunya penyeludupan. Maka kita akan meningkatkan penguatkuasaan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya dan Program Jualan Rahmah MADANI (PJRM) Aidilfitri di sini semalam.

Ketegangan di Asia Barat meruncing sejak 28 Feb susulan serangan Israel dan Amerika Syarikat (AS) ke atas Iran, diikuti serangan balas Tehran terhadap kepentingan AS di negara Teluk.

Sebelum ini, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata kerajaan akan berusaha sedaya mungkin untuk mengekalkan harga RON95 pada paras RM1.99 seliter supaya tidak membebankan rakyat. — Bernama

Utusan Borneo online

HARI: RABU
TARIKH: 11/3/2026
M/SURAT: 14

# Konflik Asia Barat: KPDN tingkatkan pemantauan risiko penyeludupan bahan api

theborneopost#digipapers.m

**KUALA LUMPUR:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan meningkatkan pemantauan serta penguatkuasaan di sempadan negara, bagi mengekang risiko penyeludupan bahan api susulan kenaikan harga minyak dunia akibat konflik di Asia Barat.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali berkata, KPDN akan mempergiat pelaksanaan Ops Tiris dalam memastikan bekalan bahan api tidak diseludup keluar ke negara jiran.

"Harga minyak dunia jauh meningkat sekarang, telah melebihi AS$100 setong. Jadi risiko penyeludupan itu tetap berlaku kerana harga industri akan naik mengikut harga pasaran.

"Selain itu, jika dibandingkan dengan harga (bahan api) di negara-negara jiran yang tidak ada subsidi sebagaimana kita, ada kecenderungan risiko agak besar berlakunya penyeludupan. Maka kita akan meningkatkan penguatkuasaan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya dan Program Jualan Rahmah MADANI (PJRM) Aidilfitri di sini semalam.

Ketegangan di Asia Barat meruncing sejak 28 Februari susulan serangan Israel dan Amerika Syarikat (AS) ke atas Iran, diikuti serangan balas Tehran terhadap kepentingan AS di negara Teluk.

Sebelum ini, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerajaan akan berusaha sedaya mungkin untuk mengekalkan harga RON95 pada paras RM1.99 seliter supaya tidak membebankan rakyat.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, meskipun harga minyak dilaporkan semakin meningkat di pasaran global, keadaan di negara ini masih lagi terkawal dengan ketetapan harga RON95 yang rendah menerusi subsidi bersasar. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: RABU
TARIKH: 11/3/2026
M/SURAT: 4




Rina at the Ramadan bazaar.

# E-wallet credit boosts spending at Tawau bazaar

Lagatah Toyos

TAWAU: A total of 20 traders and 1,000 visitors at a Ramadan bazaar here have benefited from an e-wallet credit initiative implemented by the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) Tawau branch.

Assistant Community Services, Health and People's Wellbeing Minister, Rina Jainal, said the programme aims to stimulate economic activity during Ramadan while providing support to small and medium-sized traders.

She said the initiative was introduced following feedback from traders who reported that although the Ramadan bazaar attracted many visitors, actual purchasing activity remained relatively low.

"We hope that initiatives like this can encourage visitors to make purchases, thereby helping local traders increase their sales," she said.

Under the programme, 1,000 selected visitors received RM20 in Touch 'n Go eWallet credit to spend on various food items at the bazaar. Meanwhile, 20 traders were given RM100 in e-wallet credit to support their businesses during the Ramadan period.

Rina said this during a walkabout at the Sabindo Ramadan Bazaar on Saturday, held in conjunction with the Rahmah Ramadan Bazaar programme and the 2026 Ihsan Food Bank initiative organised by the Tawau branch of the ministry.

Meanwhile, Tawau KPDN chief Mohammad Roli Aliman said the MySaveFood programme is also being carried out to collect surplus food that remains safe for consumption from bazaar traders.

He said the effort involves volunteers from Tawau Community College as strategic partners to collect and distribute the food to the underprivileged and those in need.

On trader compliance, Mohammad Roli noted that most bazaar traders understand their responsibilities, including displaying clear price tags on all items sold.

He added that KPDN enforcement teams are conducting daily monitoring under Ops Pantau throughout Ramadan, from Feb 19 to March 20, to ensure traders comply with the Price Control and Anti-Profiteering Act and use verified weighing instruments.

"So far, no cases of non-compliance have been recorded, indicating a positive level of awareness and adherence among traders in this district," he said.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: RABU
TARIKH: 11/3/2026
M/SURAT: 10

# MySaveFood elak pembaziran makanan

**Lebihan makanan di bazar Ramadan diselamatkan untuk golongan memerlukan**

LAPORAN KHAS



Peniaga menyerahkan makanan yang tidak terjual kepada sukarelawan program MySaveFood @ Bazar Ramadan di bazar Ramadan Masjid Setia Diraja Mukah, Sarawak.

**SHAH ALAM** - Lebihan makanan bernilai RM685,208 yang berjaya diselamatkan menerusi program MySaveFood @ Bazar Ramadan setakat 9 Mac mampu menampung perbelanjaan 652 keluarga miskin selama tiga bulan, jika setiap isi rumah itu membelanjakan RM350 sebulan untuk barangan dapur.

